



# Macam-macam kisah 'angin'

**B**ARU-BARU ini saya tertarik dengan satu buku kecil berukuran 7.5cm x 7.5cm tulisan Alec Bromcie mengenai 'angin'. Buku ini agak istimewa kerana ia bukanlah berkaitan Angin Monsun Timur Laut atau Barat Daya mahupun sebarang sangkut paut dengan geografi.

Buku bertajuk *The Little Book of Farting* itu memaparkan hasil kajian Profesor Bromcie khusus mengenai 'angin yang dikeluarkan manusia'. Buku setebal 95 muka ini memuatkan fakta mengenai kentut serta suku daripadanya mempersembahkan lawak berkaitan 'angin' itu dari seluruh dunia.

Dari segi penggunaan perkataannya, perkataan 'fart' atau kentut ini secara umumnya dilihat tidak sesuai digunakan dalam suasana formal di kalangan pengguna bahasa Inggeris moden. Mungkin juga hal yang sama boleh disimpulkan di kalangan pengguna bahasa Melayu kecuali dalam perbualan tidak rasmi sehari-hari.

Di kalangan bangsa Inggeris, perkataan ini dianggap sebagai 'memalukan' dalam keadaan tertentu. Namun, hari ini mula berlaku perubahan sikap terhadap perkataan ini. Dengan perubahan

landskap sosial serta peningkatan televisyen kabel di Barat, perkataan 'fart' kian mula didengari di media siaran pada 2007.

Perkataan ini juga mula digunakan dalam buku kanak-kanak seperti *Walter the Farting Dog* dan *The Gas We Pass*. Walaupun penggunaan perkataan ini masih dianggap kurang sopan di kebanyakan konteks sosial, stigmanya nampak kian berkurangan kini.

Profesor Bromcie adalah seorang pakar dalam bidang angin dan bunyi di University of Valparaiso di Amerika Syarikat. Buku dan hasil kajian beliau menjadi satu fenomena kajian yang mendapat perhatian ramai di United Kingdom (UK) pada penghujung 1990-an.

Saya cuba menghubungi beliau untuk bertanyakan lanjut mengenai kajian terbarunya, tetapi malang beliau sudah berpindah ke universiti lain. Malah, saya tidak dapat menemui maklumat berhubung dengan beliau walaupun sudah menghubungi pihak perhubungan awam University of Valparaiso.

Namun, keunikan bidang kajiannya membuatkan saya tertarik untuk berkongsi serba sedikit hasil kajian beliau. Buku kecil ini pernah dinobatkan sebagai 100 buku terlaris di Amazon.co.uk pada 2000 (ia diterbitkan pada 1997) dengan menduduki tangga ke-16. Menariknya buku comel ini turut menggariskan etika 'melepas angin'.

Antaranya, jangan sama sekali kentut di tempat tertutup seperti lif dan lokasi berdekatan makanan dan jangan sekali-kali melawat pejabat rakan dan kentut sebelum pergi. Selain buku ini, beliau pernah menerbitkan buku dalam subjek yang sama bertajuk *Complete Book of Farting* dan *The Ultimate Book of Farting* yang juga mendapat perhatian ramai.

Berbicara mengenai kentut ini, mungkin juga ia dianggap remeh dan memalukan. Sebenarnya, menurut Bromcie 'angin' lepasan manusia adalah satu fenomena biasa iaitu cara mengeluarkan toksin dalam badan.

Jika tekanan dalam perut tidak dilepaskan, gas yang terhasil diserap semula oleh badan dan meracuni darah kita. Bahayanya kepada mereka yang tidak kentut ini berbeza dan antara yang lazim ialah sakit perut dan kesan jangka panjang yang pelbagai.

Memahami keperluan mengetahui lebih lanjut mengenai kentut ini, saya lanjutkan perbincangan apakah kandungan di dalamnya. 'Angin' yang dilepaskan manusia mengandungi lima gas di dalamnya iaitu nitrogen, hidrogen, karbon dioksida, metana dan oksigen. Bau yang kurang enak pula selalunya datang daripada komponen karbon dan sulfur seperti hidrogen sulfid.

Kajian Bromcie juga mendapati mereka yang 'vegetarian' atau tidak makan makanan yang berdarah dipercayai berkeupayaan mengeluarkan 'angin' yang lebih enak baunya.

Ini kerana serat lebih payah dicerna menyulit dan melambatkan pencernaan dalam perut.

Kajian di Australia yang mengumpulkan 1,000 orang responden dalam *Great Fart Survey* menemukan hasil kajian memeranjatkan. Kajian mendapati, 39 peratus daripada responden suka dengan bau 'angin' lepasan mereka. Amat menghairankan, tetapi itulah subjektifnya manusia.

Mengkaji sifat 'angin' ini, Bromcie mendapati

manusia melepaskan antara 200ml hingga 2000ml angin sehari. Umumnya, setiap orang kentut 10 hingga 20 kali sehari. Lelaki dewasa sihat dalam lingkungan umur 20 hingga 40 tahun kentut sehingga 16 kali sehari. Memang benar ia agak kerap, tetapi kajian menunjukkan 'memang kita boleh tidak kentut sehari suntuk, tetapi ia sangat tidak digalakkan untuk kesihatan'.

Catatan oleh Dr Benjamin Bart (seorang lagi sarjana Barat yang mengkaji kentut) yang merujuk kepada satu kes di Hospital Denmark pada 1980, mendedahkan bagaimana seorang pakar bedah yang sedang membedah seorang pesakit lelaki dengan bantuan elektrik secara tidak sengaja menyebabkan pisau bedahnya membakar uncang gas in testinal pesakit itu.

Ini menyebabkan letupan kecil yang kemudiannya gas terbabit mengalir ke dalam organ pencernaan pesakit malang itu. Walaupun pelbagai cara diusahakan untuk menyelamatkan pesakit itu, dia akhirnya meninggal dunia.

Selain Profesor Bromcie, Dr Michael Levitt ahli biofizik berbangsa British juga adalah antara sarjana yang mengkaji 'angin manusia' ini sejak bertahun-tahun lalu. Malah, beliau pernah menyuarakan hasrat kepada *New England Journal of Medicine* untuk menambah satu lagi kepakaran dalam bidang perubatan iaitu - 'flatology'.

Hujahnya, 'angin' lepasan manusia membantu untuk mendignosis penyakit pesakit. Mungkin perkara yang kita nampak remeh dan memalukan untuk dibincangkan ini boleh membantu menyelamatkan nyawa manusia suatu hari nanti.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom.

“

Sebenarnya,  
menurut

*Bromcie 'angin' lepasan manusia adalah satu fenomena biasa iaitu satu cara untuk mengeluarkan toksin dalam badan”*